

**AKTIVITI** : KURSUS UG03/17: Kursus Astronomi Lapangan : Penentuan Latitud dan Longitud Daripada Cerapan Bintang

**TARIKH**: 4-7 APRIL

**TEMPAT** : PKUG & Balai Cerap Minil Jabal Falak, INSTUN

**PENGLIBATAN** : 14 penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Merupakan kursus baru, dan objektif kursus ini adalah memberi memberi pendedahan dan latihan untuk kerja cerapan bintang bagi menentukan Latitud dan Longitud.

Di mana antara kandungan kursus adalah Sistem Koordinat Astronomi, Hitungan lokasi bintang, Sistem Waktu, Teori Trigonometri Sfera serta Latihamal Teknik cerapan bintang bagi penentuan Latitud dan Longitud.





**AKTIVITI** : PENGUJIAN PERALATAN UKUR GPR DUO Di TAPAK Kalibrasi Utiliti (Lama) INSTUN

**TARIKH**: 4-7 APRIL

**TEMPAT** : DI TAPAK KALIBRASI UTILITI BAWAH TANAH (LAMA) ,INSTUN

**PENGLIBATAN** : Pegawai & Kakitangan Seksyen Kadaster, BUP

**RINGKASAN PROGRAM:**

Pengujian Peralatan GPR DUO untuk memastikan bacaan yang diperolehi berada dalam bacaan piawai yang telah diselaraskan dan meningkatkan lagi kemahiran dalam penggunaan peralatan utiliti bawah tanah.

**AKTIVITI** : Program Csr Institut Tanah Dan Ukur Negara (Instun) Bersama Warga Pendidik Serta Pemindahan Aset Ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah (SMKAK)

**TARIKH**: 17-18 APRIL

**TEMPAT** : Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah (SMKAK), Kedah

**PENGLIBATAN** : BUP serta BTM, INSTUN, JUPEM Kedah/JUPEM Perlis & SMKAK

**RINGKASAN PROGRAM:**

Program ini melibatkan Kerja kerja pemasangan/pengujian peralatan komputer, Sesi penyerahan dokumen pemindahan aset kepada Pn. Pengetua SMKAK, Penyerahan komputer kepada sekolah & taklimat seminar kerjaya kepada pelajar sekolah. Taklimat dan pameran kerjaya oleh pihak INSTUN & pihak JUPEM Kedah/JUPEM Perlis yang bertajuk , - Laluan Kerjaya Sebagai Juruukur & -Bagaimana Menjadi Seorang Pakar IT.







**AKTIVITI** : KURSUS UK04/17: Kursus Pemahaman dan Aplikasi Peta

**TARIKH**: 18-21 APRIL

**TEMPAT** : PKUP, INSTUN

**PENGLIBATAN** : 26 penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Memberi pendedahan dan kefahaman tentang maklumat peta, asas mentafsir peta serta pendedahan kepada kaedah bacaan peta







**AKTIVITI** : LATIHAN AMALI GNSS KEPADA PELAJAR POLITEKNIK UNGKU OMAR (PUO)

**TARIKH**: 22 APRIL

**TEMPAT** : PUO, IPOH

**PENGLIBATAN** : Pelajar Diploma PUO

**RINGKASAN PROGRAM:**

Jemputan dari pihak PUO agar pihak BUP memberikan tunjuk ajar dalam latihan amali berkaitan Global Navigation Satellite System (GNSS) kepada tiga pelajar Diploma Ukur Tanah Semester 5, Jabatan Kejuruteraan Awam yang menjalani Kursus Topical Study.

Cerapan dan bimbingan telah diberikan oleh En.Nasarularifin Kamarudin (Seksyen Geodetik)





**AKTIVITI** : PENCERAMAH JEMPUTAN : KURSUS ASAS TANAH BAGI ANGGOTA PENTADBIRAN TANAH

**TARIKH:** 25 APRIL

**TEMPAT** : BILIK MINI THEATER,BLOK AKADEMIK B, INSTUN

**PENGLIBATAN** : Penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Penceramah En. Musli Bin Othman

Antara objektif memberi kefahaman dan pengenalan berkaitan kaedah pengukuran kadaster (hakmilik), peraturan dan perundangan terlibat, teknologi terkini dalam pengukuran kadaster dan aktiviti-aktiviti Pemetaan.

**AKTIVITI** : SESI TAKLIMAT DAN PEMBELAJARAN PENGGUNAAN SISTEM ELEARN

**TARIKH**: 25 APRIL

**TEMPAT** : Pusat Kecemerlangan Teknologi Maklumat 1 (PKTM1),

**PENGLIBATAN** : Bahagian Ukur dan Pemetaan

**RINGKASAN PROGRAM:**

Penceramah En. Muhammad Faizal Bin. Abdul Rahman.

Tujuan Sesi taklimat ini dijalankan adalah bertujuan agar semua pegawai dan kakitangan BUP dapat mengetahui penggunaan dan dapat memanfaatkan Sistem eLearn yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat yang mana salah satu tujuannya adalah untuk upload nota-kota kursus untuk bacaan atau rujukan peserta kursus.



**AKTIVITI** : KURSUS UG07/17 : KURSUS CERAPAN DAN PEMPROSESAN DATA GLOBAL NAVIGATION SATELLITE SYSTEM (GNSS)

**TARIKH**: 26-28 APRIL

**TEMPAT** : PKUG & Sekitar kampus INSTUN


**PENGLIBATAN** : 17 penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Objektif kursus ini adalah memberi pengetahuan dan kefahaman secara teori dan praktikal tentang aplikasi GNSS bagi tujuan kerja di lapangan.

Di mana antara kandungan kursus adalah peraturan-peraturan ukur berkaitan dengan ukuran kadaster menggunakan peralatan GNSS, Perancangan dan persediaan sebelum/selepas perlaksanaan Ukuran GNSS dan pengutipan, pemprosesan serta penyediaan dokumentasi serta laporan ( Kaedah MyRTKnet dan konvensional ).





**AKTIVITI :** KURSUS UK07/17: Kursus Penggunaan Alat Total Station-Asas

**TARIKH:** 26-28 APRIL

**TEMPAT :** PKUK & Sekitar kampus INSTUN

**PENGLIBATAN :** 19 penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Meningkatkan kemahiran penggunaan peralatan Total Station dalam kerja-kerja pengukuran.

Antara objektif utama bagi meningkatkan kemahiran penggunaan peralatan Total Station dalam bidang ukur.

Taklimat dan demo alat tersebut antaranya memberi pendedahan tentang tatacara program alat Total Station, ujian kalibrasi, kutipan data dilapangan, pemprosesson, penyediaan Pelan dan Teknik Penjagaan Alat tersebut.







**AKTIVITI** : KURSUS UU01/17: Kursus Pemantapan Pasukan

**TARIKH**: 26-28 APRIL

**TEMPAT** : Bilik Induksi & Sekitar kampus INSTUN

**PENGLIBATAN** : 30 penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang tugas dan tanggungjawab di samping memupuk semangat kerja berpasukan serta menerapkan sikap positif di kalangan pasukan.







**AKTIVITI** : Majlis Penutup Gabungan Kursus Anjuran BUP

**TARIKH**: 28 APRIL

**TEMPAT** : Bilik Kuliah Utama

**PENGLIBATAN** : 66 penjawat awam pelbagai agensi/ gred

**RINGKASAN PROGRAM:**

Majlis penutup bagi tiga kursus anjuran BUP yang dilaksanakan pada minggu ke empat (4) bulan April. Majlis penutup telah dibuat serentak dan telah dirasmikan oleh Pn. Fauziah binti. Ramli (Ketua Unit Khidmat Penguruan BUP). Iaitu kursus;

- a. Kursus UG07/17 Ukuran Aras Kaedah GNSS
- b. Kursus UK07/17 Penggunaan Alat Total Station
- c. Kursus UU01/17 Pemantapan Pasukan





**AKTIVITI** : KAJIAN RUKYAH HILAL BIL.4/2017

**TARIKH**: 27 APRIL

**TEMPAT** : Baitul Hilal, Manjung, Perak

**PENGLIBATAN** : penjawat awam, pelajar sekolah & orang awam

**RINGKASAN PROGRAM:**

Program kajian rukyah hilal di Baitul Hilal, Manjung pada 27 April 2017 (30 Rejab 1438H) telah dilaksanakan oleh Tn.Hj. Ahmad Rostam.



